



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

MAJLIS ANUGERAH GEMILANG PELAJAR POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI 2024

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) melalui Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP) dengan kerjasama Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL) telah menganjurkan Majlis Anugerah Gemilang Pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti 2024 yang disempurnakan oleh YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi di KSL Esplanade Hotel, Klang Selangor.

Majlis gilang gemilang yang bertemakan 'TVET Peneraju Masa Depan' ini, telah memasuki penganjuran kali ke-3 dan merupakan platform tahunan yang mengiktiraf pelajar cemerlang daripada Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia dalam pelbagai aspek termasuk akademik, kepimpinan, inovasi, keusahawanan, kesukarelawanan, sukan dan kebudayaan. Inisiatif ini sejajar dengan usaha JPPKK dalam memupuk budaya kecemerlangan dan melahirkan graduan holistik yang memenuhi keperluan industri serta negara.

Majlis ini turut menyokong aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam melahirkan graduan berkualiti, berdaya saing, dan berkemahiran tinggi, selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Anugerah ini turut menggalakkan pelajar untuk lebih aktif dalam kepimpinan, keusahawanan, serta pencapaian akademik yang cemerlang. Antara anugerah yang disampaikan adalah seperti yang disenaraikan.

1. Anugerah Gemilang Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Politeknik
2. Anugerah Gemilang Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan Politeknik
3. Anugerah Gemilang Orator Politeknik
4. Anugerah Gemilang Kesukarelawanan Politeknik
5. Anugerah Gemilang Keusahawanan Politeknik
6. Anugerah Gemilang Sukan Politeknik
7. Anugerah Gemilang Kemahiran Politeknik
8. Anugerah Gemilang Inovasi Politeknik
9. Anugerah Gemilang Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Kolej Komuniti
10. Anugerah Gemilang Keusahawanan Kolej Komuniti
11. Anugerah Gemilang Sukan Kolej Komuniti
12. Anugerah Gemilang Kemahiran Kolej Komuniti
13. Anugerah Gemilang Inovasi Kolej Komuniti
14. Anugerah Gemilang Khas Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik
Dan Kolej Komuniti
15. Anugerah Gemilang Utama Menteri Pendidikan Tinggi

Dalam majlis yang sama, turut disampaikan bantuan kepada lima (5) orang pelajar yang terjejas akibat tragedi letupan paip gas di Putra Height pada 1 April lepas oleh Pertubuhan Muafakat Ibu Pejabat Politeknik dan Kolej Komuniti.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
7 MEI 2025**

